



Kenyataan Media

CYBERJAYA

19 Disember 2022

CAPAIAN TELEKOMUNIKASI DI BATANG KALI: MCMC DAN PENYEDIA PERKHIDMATAN KOMITED PASTIKAN OPERASI SAR DAN PELAPORAN MEDIA DI TAHAP TERBAIK

Kejadian tanah runtuh melibatkan Tapak Perkhemahan dan Kemudahan Fathers' Organic Farm di Batang Kali Selangor pada pagi 16 Disember 2022 yang melibatkan hampir 100 mangsa menjadi kejutan kepada seluruh rakyat Malaysia. Sejurus kejadian, Pasukan Operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) terus digerakkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bersama agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Pertahanan Awam (APM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEN) dan agensi lain di peringkat Persekutuan dan negeri. Satu objektif agar mangsa-mangsa yang terlibat dapat diselamatkan dalam kadar yang segera.

Dalam situasi bencana seperti ini, komunikasi adalah keperluan terpenting kepada pasukan SAR bagi memastikan koordinasi antara pasukan dan agensi yang terlibat di lokasi bencana dilaksanakan secara efektif. Selain keutamaan kepada SAR, pengamal-pengamal media yang bertungkus-lumus di lapangan juga memerlukan komunikasi yang terbaik bagi melaporkan situasi dan perkembangan terkini melalui platform berita dan media masing-masing.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah menggerakkan *Emergency Disaster and Response Team* (EDRT) pada 16 Disember 2022 dengan mengarahkan penyedia perkhidmatan utama TM, Celcom, Digi, Maxis dan U Mobile untuk segera menganalisa dan menggerakkan aset-aset komunikasi di tempat kejadian. Ini untuk memastikan ketersediaan perkhidmatan

menggunakan teknologi komunikasi yang terbaik dikawasan bencana. Selain itu, pihak MCMC telah meminta bantuan dari pihak NGO iaitu *Malaysian Amateur Radio Emergency Service* (MARES) bagi menyediakan komunikasi alternatif dengan menggunakan teknologi radio amatir bagi kegunaan para penyelamat berhubung secara pantas. Mereka telah tiba lebih awal pada hari tersebut di tempat kejadian bencana bagi membantu agensi-agensi lain menyelamatkan mangsa-mangsa.

Walau bagaimanapun, pihak MCMC cakna saranan oleh Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Digital berkaitan Prosedur Operasi Standard (SOP) akses telekomunikasi di kawasan bencana. MCMC akan meneliti bersama pemegang taruh untuk memperkemaskan lagi SOP sedia ada.

Pelbagai cabaran dihadapi dalam memberikan perkhidmatan di lokasi tapak bencana, antaranya ketiadaan bekalan elektrik, bentuk muka bumi yang berbukit bukau dan jarak pemancar penyedia perkhidmatan masing-masing. Ini secara tidak langsung menyebabkan teknologi seperti gelombang mikro tidak dapat digunakan kerana ketiadaan *Line Of Sight* (LOS). Pihak TM telah dengan segera menyediakan tindakan alternatif dengan menarik dan menyediakan kabel gentian optik sejauh 2km dari Nod Awana Genting dan penyediaan MoVIC (sel IP boleh alih) TM di tapak bencana. Ini seterusnya membolehkan teknologi *Multi Operator Core Network* (MOCN) digunakan oleh penyedia perkhidmatan dan memberikan liputan bagi rangkaian masing-masing.

Pada seawal jam 3 pagi 17 Disember 2022, kemudahan komunikasi telah disediakan di tapak bencana, semua penyedia perkhidmatan terlibat berjaya memberikan perkhidmatan masing-masing melalui *Coverage on Wheels* (COW) dalam memberikan kualiti perkhidmatan komunikasi kepada misi SAR dan pengamal-pengamal media di tapak bencana. Pemantauan MCMC mendapati kesemua penyedia perkhidmatan telah berjaya mencapai kualiti liputan selular yang amat baik melebihi 50Mbps. Selain itu pihak TM juga telah menyediakan perkhidmatan Unifi wifi percuma berkelajuan 800Mbps di khemah ATM, APM, JBPM dan PDRM operasi SAR. Manakala satu *Access Point* sama juga telah diletakkan di Trak Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) selaku penyelaras kepada pengamal-pengamal media.

Pihak MCMC turut bersimpati dengan nasib yang menimpa keluarga tragedi tanah runtuh ini. MCMC dan penyedia perkhidmatan akan terus memantau kualiti perkhidmatan lokasi adalah di tahap yang terbaik bagi pasukan misi SAR

dan maklumat serta berita terkini dapat disampaikan oleh pengamal-pengamal media kepada orang ramai dalam kadar yang segera.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV